

24 OCT 2002

Mahathir-Kereta Kabel (Bergambar)

DR MAHATHIR YAKIN RAMAI PELANCONG GUNA KHIDMAT KERETA KABEL

LANGKAWI, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin ramai pelancong ke pulau peranginan ini akan menggunakan perkhidmatan kereta kabel Langkawi, yang menghubungkan Kompleks Beli Belah Bersepadu Oriental Village di Teluk Burau dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

"Saya berpuas hati dengan prestasinya dan berpendapat ramai pelancong akan menggunakannya," katanya kepada pemberita selepas meninjau pelbagai projek pembangunan di sini termasuk projek kereta kabel itu selepas tiba di sini, hari ini.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dari Alor Setar dengan diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak disambut anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib.

Dr Mahathir berkata reka bentuk kereta kabel jenis gondola yang boleh memuatkan enam orang bagi setiap perjalanan juga amat menarik.

"Pemandangan dari atas (Gunung Machinchang) amat menarik dengan cuacanya yang lebih sejuk," katanya.

Projek bernilai RM46 juta itu, yang dijalankan secara usahasama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan, dijangka mula beroperasi bulan depan.

Pelancong yang menggunakan perkhidmatan itu berpeluang menikmati panorama indah keseluruhan pulau ini serta dapat melihat Pulau Tarutao dan pantai Satun di Thailand.

Pengurus Teknikal Lembaga Pembangunan Langkawi Abdul Manaf Majid berkata Dr Mahathir juga memberi "lampu hijau" kepada pembinaan jambatan gantung bernilai RM2 juta pada gaung sedalam 100 meter antara dua puncak gunung Machinchang itu, yang menghubungkan stesen pertengahan dan puncak.

Dalam lawatan selama empat jam di sini, Dr Mahathir turut meninjau dari udara projek pembinaan pusat peranginan kapal layar "Harbour Park Langkawi" yang berkonsepkan Mediterranean di Pantai Kok.

Beliau, yang diberi penerangan mengenai projek itu oleh perunding projek yang juga pelayar negara Datuk Azhar Mansor, berpendapat perkembangan projek marina itu berjalan lancar.

Projek dua fasa bernilai RM40 juta itu akan menempatkan kemudahan yang memenuhi citarasa pelbagai golongan pelancong di samping sebuah marina yang mampu menempatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Pelbagai jenis penginapan termasuk hotel tiga bintang dan apartmen akan didirikan di Harbour Park, yang dibina di kawasan kira-kira 12 hektar.

Ketika ditanya pemberita sama ada kejadian letupan di Kuta, Bali baru-baru ini mungkin menarik lebih ramai pelancong ke Langkawi, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

-- BERNAMA

NH NAK